

Metodologi Dakwah kepada Ibu Bapa Bukan Muslim Berdasarkan Kisah Nabi Ibrahim AS

Methodology of Dakwah to Non-Muslim Parents Based on Story of Prophet Ibrahim AS

MUHD. NAJIB ABDUL KADIR
MABRURI MOHAMMAD SAI
LATIFAH ABDUL MAJID

ABSTRAK

Kaedah berdakwah kepada golongan yang telah lanjut usia sudah pasti berbeza dengan cara berdakwah kepada golongan belia yang lebih muda. Apatah lagi jika orang yang lebih tua tersebut merupakan kerabat atau saudara mara terdekat. Artikel ini membincangkan metode dakwah yang digunakan Nabi Ibrahim AS terhadap ayahnya yang non-Muslim. Pemilihan kisah Nabi Ibrahim AS dan ayahnya Azar dalam kajian ini adalah berlandaskan kepada pujian yang sering diberi oleh Allah kepadanya dari segi akhlak yang terpuji, termasuk beberapa pendekatan dakwah yang dilakukan untuk mengajak ayahnya kepada tauhid. Kajian ini dilakukan adalah untuk menyelidiki metode yang digunakan oleh Nabi Ibrahim AS kepada ayahnya Azar. Bagi mendapatkan kesahihan data maka kajian ini menggunakan pendekatan analisis dokumen.

Kata kunci: Metod dakwah; non-Muslim; golongan dewasa; ibu bapa

ABSTRACT

The method of dakwah to the matured people definitely is not similar to the youngster. Especially, if the man or woman coming from related or family ancestors. The article discusses the method used by the messenger of Ibrahim toward his father (Azar). The reason for the selection of this story because in the Quran, Allah has made commendation for Ibrahim as a messenger in moral aspects. One of these commendations is about his relationship with his father who was known in history as unbeliever until his last life. The purpose of this research is to investigate his method towards his father as mentioned in the Quran. In the interest of validity and reliability of data, the study therefore uses document analysis.

Keywords: Methodology of dakwah; non-Muslims; matured people; parents

PENGENALAN

Berbuat baik kepada kedua ibu bapa merupakan salah satu kewajipan yang harus dipenuhi oleh seorang anak, atau dalam istilah Bahasa Arab disebut sebagai “*birr al-walidayn*”. Perbuatan “*birr al-walidayn*” ini pada asasnya tidak dipengaruhi oleh keadaan, bangsa, budaya, warna kulit, mahupun agama. Walaupun terdapat pelbagai perbezaan dalam hubungan, kewajipan berbuat baik terhadap ibu bapa tersebut akan terus kekal di bawah tanggungjawab seorang anak sehinggalah nyawa dan roh dicabut dari badan kelak. Begitu juga dengan kewajipan mengajak ibu bapa kepada Islam.

Namun sudah tentu, metode dakwah kepada ibu bapa mesti dilakukan dengan cara yang khusus dan berbeza. Metode yang digunakan harus berada dalam piawaian ‘berbuat baik’ sehingga mereka tidak berasa

hati atau terguris dengan tindakan dan percakapan anaknya. Kata-kata yang baik harus menjadi tunjang percakapan anak-anak dalam menasihati ibu bapa agar ibu bapa tidak rendah diri, menganggap dirinya bodoh, seterusnya boleh menyebabkan anak-anak menjadi anak derhaka akibat tiada metode dakwah yang sesuai. Bahkan, kerja dakwah akan gagal dan tidak diterima oleh orang tua sehingga mereka semakin jauh dari Islam.

Oleh yang demikian, kajian ini akan membahaskan satu topik berkaitan metode dakwah kepada orang tua non-Muslim berdasarkan kisah seorang nabi AS yang juga mempunyai kewajipan sebagai seorang anak. Dugaan dan kesabaran beliau mendapat pujian yang tinggi dari Allah SWT lantas menjadikan kisah dakwah Nabi Ibrahim AS terhadap ayahnya Azar sebagai antara model dakwah yang terbaik.

ASAS METODOLOGI DAKWAH

Metodologi dakwah adalah ilmu yang bersifat kajian dan sistematik mengenai cara dakwah, atau secara ringkasnya sebagai ilmu atau kajian tentang cara dakwah (Mohd. Zin 2005: 2). Mengetahui metodologi dalam dakwah adalah amat penting kerana ia merupakan juzuk dalam dakwah yang tidak boleh dipisahkan. Jika kandungan dan mesej dakwah tersebut adalah bermanfaat, maka metodologi dalam penyampaian dakwah juga tidak boleh diabaikan (Mohd. Zin 2005: 5). Ia juga merupakan kayu ukur atau penentu dalam keberkesanan dakwah yang dilakukan.

Perkara asas yang berkaitan dengan metodologi dakwah ini telah disebut dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk (al-Qur'an, al-Nahl 16: 125).

Ayat tersebut menjelaskan bahawa perkara utama yang harus ada dalam metodologi dakwah Islam ialah melalui cara berhikmah, pelajaran dan nasihat yang baik, atau dengan cara berdialog, perbincangan dan perbahasaan yang baik (Mohd. Zin 2005: 8). Metode dakwah yang terakhir iaitu perbincangan atau perbahasaan dengan cara yang baik (*mujadalah husna*) adalah metode dakwah yang boleh diaplikasikan terhadap kaum Musyrikin (Ibrahim 1998: 5). Maka, penulis akan membahaskan metode *mujadalah husna* yang digunakan oleh Nabi Ibrahim AS dalam dakwah terhadap ayahnya yang berlainan agama, iaitu Azar.

KEWAJIPAN ANAK TERHADAP KEDUA IBU BAPA

Perbuatan berbuat baik terhadap ibu bapa boleh ditafsirkan dalam pelbagai cara dan bentuk. Antaranya bergaul dan melayani mereka dengan cara yang baik, bercakap dengan ucapan yang lemah lembut, bersopan santun dan tidak menderhakainya sama ada melalui perbuatan ataupun perkataan. Mengenai kedudukan "*birr al-walidayn*" dalam al-Qur'an, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Dan Tuhanmu Telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapakmu dengan sebaik-baiknya.

jika salah seorang di antara keduanya atau keduanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, Maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia (al-Qur'an, al-Isra 17: 23).

Ayat ini menjelaskan bahawa adanya hubungan ibadah kepada Allah dengan berbuat baik kepada ibu bapa (al-Dimasyqi 2000: 466-468). Maka ia dikaitkan dengan ganjaran pahala yang besar bagi orang yang berbuat baik kepada ibu bapanya. Dalam ayat lain, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Katakanlah: "Marilah kubacakan apa yang diharamkan atas kamu oleh Tuhanmu iaitu: janganlah kamu mempersekutukan sesuatu dengan Dia, berbuat baiklah terhadap kedua orang ibu bapa, dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu karena takut kemiskinan, kami akan memberi rezki kepadamu dan kepada mereka, dan janganlah kamu mendekati perbuatan-perbuatan yang keji, baik yang nampak di antaranya maupun yang tersembunyi, dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan sesuatu (sebab) yang benar". Demikian itu yang diperintahkan kepadamu supaya kamu memahaminya (al-Qur'an, al-An'am 6: 151).

Ayat ini menyatakan bahawa Allah SWT menempatkan perbuatan "*birr al-walidayn*" pada satu kedudukan yang tinggi. Allah SWT menjelaskan kepada kita bahawa berbuat baik kepada ibu bapa adalah wajib hukumnya sebaliknya, derhaka kepada ibu bapa adalah termasuk dalam dosa besar.

Di samping itu, banyak hadis Nabi Muhammad SAW yang menyentuh kedudukan "*birr al-walidayn*" dalam Islam. Nabi menempatkan tanggungjawab berbuat baik kepada ibu bapa ini setelah menunaikan hak kepada Allah SWT dan sebelum berjihad di jalan Allah. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari yang bermaksud:

Aku bertanya kepada Nabi SAW: "Amal apakah yang paling Allah SWT sukai?" Nabi menjawab: "Solat pada waktunya", kemudian aku bertanya, "Kemudian apa?" Nabi menjawab: "Berbuat baik kepada ibu bapa". Kemudian aku bertanya lagi, "Kemudian apa?" Nabi menjawab: "Jihad fi Sabilillah..." (Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab Adab, Bab al-Birr wa al-Silah wa Qauluhu Ta'ala wa washoana al-Insan bi Walidaihi husna)

Nabi SAW menegaskan lagi perkara berbuat baik terhadap kedua orang tua sebelum pergi berjihad di jalan Allah dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:

Telah datang seorang lelaki kepada Nabi SAW untuk meminta izin pergi berperang, maka Nabi bertanya: "Apakah ibu bapakmu masih hidup?" Dia menjawab: "Ya, masih hidup". Maka Nabi bersabda: "Maka,

berjihadlah kepada keduanya”. (Muslim, Sahih Muslim, Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab, Bab Birr al-Walidain wa Annahuma Ahaqqu bihi).

Begitu juga dengan kewajiban berbuat baik terhadap ibu bapa yang lebih didahulukan daripada pergi berhijrah bersama Baginda SAW. Ia dijelaskan dalam hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:

Telah menghadap kepada Nabi SAW seorang lelaki dan berkata, “Aku berbaiat kepadamu untuk berhijrah, dan berjihad. Aku mengharapkan dari ini, pahala dari Allah SWT”. Nabi bertanya kepadanya: “Apakah salah seorang di antara ibu bapamu masih hidup?”, dia menjawab: “Ya, bahkan keduanya masih hidup”. Nabi bertanya: “Apakah engkau mengharapkan pahala dari Allah SWT?”, dia menjawab: “Ya”. Nabi pun bersabda: “Pulanglah kepada kedua ibu bapamu dan berbuat baiklah kepada mereka” (Muslim, Sahih Muslim, Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab, Bab Birr al-Walidain wa Annahuma Ahaqqu bihi).

Rasulullah SAW juga mengukuhkan apa yang telah Allah SWT firmankan dalam al-Quran bahawa perbuatan menderhaka kepada ibu bapa adalah termasuk dosa besar. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Tirmidzi bermaksud:

Telah bersabda Rasulullah SAW: “Apakah kalian mahu aku beritahu tentang dosa-dosa yang paling besar?” para sahabat menjawab: “Mahu Ya Rasulullah”. Nabi bersabda: “Membuat sekutu kepada Allah SWT dan menderhakai kepada ibu bapa.” (Tirmidzi. Sunan al-Tirmidzi. Kitab al-Birr wa Silah. Bab Ma Ja’a Fi ‘Uquq al-Walidayn)

Maka dengan ini disimpulkan bahawa perbuatan berbuat baik kepada ibu bapa merupakan kewajiban yang sangat dituntut dalam Islam. Bahkan kerana tingginya darjat “*birr al-walidayn*” tersebut, Allah SWT menghubungkannya dengan perbuatan taat dan ibadah kepada Allah. Perkara ini terbukti dengan ayat-ayat Allah yang memerintahkan secara langsung untuk berbuat baik kepada ibu bapa. Namun pada waktu yang sama, tidak dinafikan bahawa hak Allah Taala jugalah yang paling agung dan paling tinggi. Oleh yang demikian, apabila ibu bapa sendiri mengajak kepada kekafiran dan syirik kepada Allah, maka ia tidak boleh ditaati. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Dan Kami wajibkan manusia (berbuat) kebaikan kepada dua orang ibu bapanya. Dan jika keduanya memaksamu untuk mempersekutukan Aku dengan sesuatu yang tidak ada pengetahuanmu tentang itu, maka janganlah kamu mengikuti keduanya. Hanya kepadaKu-lah kembalimu, lalu Aku khabarkan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan (al-Qur’an, al-‘Ankabut 29: 8).

Dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Dan jika keduanya memaksamu untuk mempersekutukan dengan Aku sesuatu yang tidak ada pengetahuanmu tentang itu, maka janganlah kamu mengikuti keduanya, dan pergaulilah keduanya di dunia dengan baik, dan ikutilah jalan orang yang kembali kepada-Ku, Kemudian Hanya kepada-Ku lah kembalimu, maka Kuberitakan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan” (al-Qur’an, Luqman 31: 15).

Kedua-dua ayat ini menjelaskan bahawa masih terdapat batasan dan sempadan dalam kewajiban mentaati kedua ibu bapa, iaitu kewajiban taat selagi mana ibu bapa tersebut tidak mengajak anak-anak mereka kepada kemungkaran. Perbuatan mensyirikkan Allah adalah haram, maka perbuatan mengikut ibu bapa yang membawa kepada kemungkaran tidak boleh diturut. Namun dalam situasi ini, perbuatan hormat-menghormati dan saling menyayangi antara ibu bapa dan anak masih dituntut dalam Islam.

LATAR BELAKANG SEJARAH NABI IBRAHIM AS

Nama “Ibrahim” dalam bahasa Arab adalah *isim ‘alam a’jami*, atau nama orang yang bukan Arab (al-Khalidi 2006: 41). Oleh itu, kita tidak akan dapat mengetahui asal perkataan tersebut ataupun perubahan-perubahan katanya, kerana nama “Ibrahim” itu bukan *musytaq* atau *mutasarrif*. Kita juga tidak mengetahui maknanya dari segi bahasa, ataupun sebab penamaan tersebut (al-Khalidi 2006: 41-42).

Nabi Ibrahim AS adalah “*abu al-anbiya*” seperti firman Allah yang bermaksud:

(Ikutilah) agama ibu bapamu Ibrahim. Dia (Allah) telah menamai kamu sekalian orang-orang Muslim dari dahulu, dan (begitu pula) dalam (al-Quran) ini, supaya rasul itu menjadi saksi atas dirimu dan supaya kamu semua menjadi saksi atas segenap manusia (al-Qur’an, al-Hajj 22: 78).

Beliau diutus kepada kaumnya yang berada di Iraq sekarang. Kaumnya pada ketika itu menyembah bintang-bintang dan segala yang berkaitan dengannya serta membuat patung untuk dijadikan sembah. Maka, Nabi Ibrahim AS diperintahkan untuk pergi ke Makkah dan diperintahkan pula untuk meninggalkan keluarganya di sana. Ketika anaknya Isma‘il telah dewasa, Allah SWT memerintahkan mereka untuk membangunkan Kaabah bagi dijadikan sebagai tempat ibadah haji.

Walaupun bapa beliau adalah seorang yang tidak taat perintah Allah, namun isteri Nabi Ibrahim AS

merupakan seorang mukminat yang salihah bernama Sarah, dan mereka dikurniakan zuriat bernama Ishaq. Adapun anak Nabi Ibrahim AS yang paling tua ialah Isma'īl, dari isteri beliau Hajar. Pada asasnya, al-Quran tidak menceritakan zuriat Nabi Ibrahim AS melainkan hanya dua orang sahaja iaitu Isma'īl dan Ishaq. Nabi Ibrahim hidup dan sempat melihat cucunya yang bernama Ya'qub, anak keturunan Ishaq (al-Khalidi 2006: 41; al-Tabari t.th: 394-396).

SIFAT-SIFAT AKHLAK NABI IBRAHIM AS DALAM AL-QURAN

1. Al-Siddiqiyah

Salah satu sifat Nabi Ibrahim AS yang disebut oleh Allah SWT adalah sifat *al-siddiqiyah*. Allah SWT berfirman:

Maksudnya: dan bacakanlah (Wahai Muhammad) di Dalam Kitab (Al-Quran) ini perihal Nabi Ibrahim; Sesungguhnya adalah ia seorang Yang amat benar, lagi menjadi Nabi (al-Qur'an, Maryam 19: 41).

Para ulama tafsir mempunyai pelbagai pendapat dalam memberi erti sifat *al-siddiqiyah*. Pertama, *al-siddiqiyah* adalah *mubalaghah* dari lafaz *al-sidq*. Kedua, beliau adalah seorang yang banyak membenarkan tanda-tanda yang diperlihatkan oleh Allah SWT (al-Razi 2000/21: 191). Namun, pendapat yang kedua adalah pendapat yang paling masyhur (al-Kabisi 2007: 42).

2. Al-Hilm

Al-hilm menurut bahasa adalah berasal dari kata *حَلِمٌ - حَلَمٌ* yang bererti ketenangan (tidak tergesa-gesa) dan boleh mengawal diri. Kalimah *حَلِيمٌ* pula merupakan sifat Allah SWT yang bermaksud sabar (Mandzur t.th./9: 980; al-Kabisi 2007: 45).

Manakala makna dari segi istilah, *al-hilm* adalah satu keadaan yang berada dalam ketenangan atau ketetapan hati ketika menghadapi suasana yang menjadikan dia marah atau tertekan. Sebahagian yang lain mendefinisikannya sebagai penahanan diri di mana dia mendahulukan akal daripada perasaan sehingga dia tenang dengan keputusan yang diambil kerana menggunakan akal tersebut (al-Kabisi 2007: 46; al-Asfahani 1997: 253).

Tentang peribadi Nabi Ibrahim AS ini, Allah berfirman dalam kebanyakan tempat antaranya:

Maksudnya: Sesungguhnya Nabi Ibrahim itu lembut hati lagi Penyabar (al-Qur'an, al-Tawbah 9: 114).

Juga firman Allah:

Maksudnya: Sesungguhnya Nabi Ibrahim, penyabar, lembut hati (bertimbang rasa) lagi suka kembali kepada Allah Dengan mengerjakan amal bakti.

Sifat ini disebut oleh Allah dalam ketika Nabi Ibrahim sedang menghadapi ujian atau kerugian. Ketika Nabi Ibrahim AS sedang berdakwah kepada ayahnya Azar, ayah beliau amat tidak menyenangnya tetapi pada ketika itu, Nabi Ibrahim AS tetap menjawabnya dengan cara yang baik. Allah SWT menceritakan situasi ini dalam al-Quran yang bermaksud:

Wahai ayahku, Sesungguhnya Aku khawatir bahawa ayahanda akan ditimpa azab dari Tuhan yang Maha pemurah, Maka ayahanda menjadi kawan bagi syaitan". Berkata ayahnya: "Bencikah kamu kepada tuhan-tuhanku, Hai Ibrahim? jika kamu tidak berhenti, Maka nescaya kamu akan kurejam, dan tinggalkanlah Aku buat waktu yang lama". Berkata Ibrahim: "Semoga keselamatan dilimpahkan kepadamu, Aku akan memintakan ampun bagimu kepada Tuhanku. Sesungguhnya dia sangat baik kepadaku" (al-Qur'an, Maryam 19: 45-47).

3. Al-Awwah

Selain itu, Allah juga menyebutkan sifat yang lain yang dimiliki oleh Nabi Ibrahim AS, iaitu *al-awwah*. Allah SWT berfirman pada ayat yang sama:

Maksudnya: Sesungguhnya Nabi Ibrahim itu lembut hati lagi Penyabar (al-Qur'an, al-Tawbah 9: 114).

Maksudnya: Sesungguhnya Nabi Ibrahim, penyabar, lembut hati (bertimbang rasa) lagi suka kembali kepada Allah Dengan mengerjakan amal bakti (al-Qur'an, Hud 11: 75).

Menurut para ahli bahasa, *al-awwah* ini mempunyai banyak makna antaranya banyak bersedih, berdo'a untuk kebaikan, seorang yang *faqih*, seorang yang lemah lembut, seorang yang rendah hati dan selalu bertasbih dan lain sebagainya (Mandzur t.th./1: 179).

Begitu juga dengan para ahli tafsir. Mereka membahas makna *al-awwah* dengan perbahasan yang panjang antaranya, mereka menyebutkan bahawa *al-awwah* adalah orang yang apabila disebutkan kesalahan-kesalahannya dia akan meminta ampun atas kesalahan-kesalahannya tersebut (al-Dimasyqi 2000/7: 302). Dan ada pula yang menyatakan bahawa maksud *al-awwah* itu adalah orang yang selalu berdo'a, sebagaimana ketika Nabi Ibrahim AS selalu mendoakan ayahnya walaupun ayahnya kafir dan mati dalam keadaan tersebut.

4. *Al-Wafa*

Antara sifat-sifat Nabi Ibrahim AS yang disebutkan oleh al-Quran adalah *al-wafa*. Allah SWT berfirman:

Maksudnya: dan juga (dalam Kitab-kitab) Nabi Ibrahim Yang memenuhi Dengan sempurnanya (segala Yang diperintahkan kepadanya)? (al-Qur'an, al-Najm 53: 37).

Al-wafa menurut ahli bahasa adalah kebalikan dari pengkhianatan (Mandzur t.th/6: 4884). Dengan demikian, *al-wafa* dari segi bahasa adalah berpegang teguh kepada janji dan tidak berkhianat kepada janjinya.

Sedangkan menurut syariat Islam, *al-wafa* adalah berpegang teguh dengan apa yang telah dijanjikan dan hukumnya adalah wajib berdasarkan dalil-dalil dari al-Quran dan al-Sunnah (al-Kabisi 2007: 60).

Adapun maksud *al-wafa* Nabi Ibrahim AS dalam al-Quran adalah pelbagai menurut ahli tafsir. Antara maksud tersebut adalah sifat berpegang teguh Nabi Ibrahim AS terhadap ucapannya untuk mendoakan dan memohon keampunan untuk ayahnya sehingga diberitahu oleh Allah SWT bahawa Azar adalah seorang yang kafir.

METODOLOGI DAKWAH NABI IBRAHIM AS KEPADA AYAHNYA AZAR BERDASARKAN SURAH MARYAM: 41-48

Ayat-ayat ini akan lebih jelas mengupas tentang metode yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim AS kepada ayahnya. Antara pendekatan tersebut adalah dengan adab yang baik, lemah lembut, sikap tawaduk, alasan-alasan yang tidak dapat dibantah dan dengan bahasa yang sangat mudah. Allah berfirman dalam Surah Maryam ayat 41-48:

Maksudnya: Ceritakanlah (hai Muhammad) kisah Ibrahim di dalam al-Kitab (al-Quran) ini. Sesungguhnya ia adalah seorang yang sangat membenarkan lagi seorang nabi. Ingatlah ketika ia berkata kepada ayahnya; "Wahai ayahku, mengapa ayahanda menyembah sesuatu yang tidak mendengar, tidak melihat dan tidak dapat menolong ayahanda sedikitpun?". "Wahai ayahku, sesungguhnya telah datang kepadaku sebahagian ilmu pengetahuan yang tidak datang kepadamu, maka ikutilah aku, nescaya aku akan menunjukkan kepadamu jalan yang lurus". "Wahai ayahku, janganlah ayahanda menyembah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu derhaka kepada Tuhan Yang Maha Pemurah". "Wahai ayahku, sesungguhnya aku khawatir bahwa ayahanda akan ditimpa azab dari Tuhan yang maha pemurah, maka ayahanda menjadi kawan bagi syaitan". Berkata ayahnya: "Bencikah kamu kepada tuhan-tuhanku, hai Ibrahim? jika kamu tidak berhenti, maka nescaya kamu akan kurejam, dan tinggalkanlah aku buat waktu

yang lama". Berkata Ibrahim: "Semoga keselamatan dilimpahkan kepadamu, aku akan memintakan ampun bagimu kepada Tuhanku. Sesungguhnya dia sangat baik kepadaku". "Dan aku akan menjauhkan diri darimu dan dari apa yang ayahanda seru selain Allah, dan aku akan berdoa kepada Tuhanku, mudah-mudahan aku tidak akan kecewa dengan berdoa kepada Tuhanku" (al-Qur'an, Maryam 19: 41-48).

Dalam ayat di atas kita mendapatkan bahawa:

1. Uslub bahasa yang digunakan oleh Nabi Ibrahim AS amat mudah, iaitu dengan menggunakan perkataan: *يَتَأْت* Imam al-Sya^orawi memberikan alasan mengapa Nabi Ibrahim AS menggunakan lafaz tersebut dan tidak menggunakan lafaz: *يَتَأْتِي*. Beliau mengatakan bahawa lafaz: *يَتَأْت* adalah mempunyai pandangan yang lebih mendalam jika dibandingkan dengan lafaz: *يَتَأْتِي*. Nabi Ibrahim AS hendak mengatakan bahawa sekalipun Azar adalah seorang ayah namun, dalam kasih sayangnya itu seolah-olah mempunyai dua kasih sayang iaitu kasih sayang seorang ayah dan ibu (al-Sya^orawi t.th./15: 9097).

Uslub bahasa yang dipilih dan dipakai oleh Nabi Ibrahim dalam perkataannya adalah menggunakan pertalian hubungan kekeluargaan, lebih tepat antara seorang ayah dan seorang anak. Beliau seolah-olah mengingatkan kepada ayahnya terhadap kepentingan memelihara hubungan tersebut kerana hubungan antara ayah dan anak adalah salah satu hubungan yang paling kuat dalam keluarga selain dapat menjadikan keduanya dalam keadaan saling menjaga kebaikan antara keduanya. Dalam penggunaan uslub bahasa tersebut, Nabi Ibrahim AS hendak melupakan jarak atau jurang yang ada antara beliau dan ayahnya sehingga beliau dapat menyampaikan dakwah sedangkan ayahnya berada dalam ketenangan (al-^oAdawi t.th.: 50).

2. Memberi perhatian lebih dengan pengulangan kata: *يَتَأْت*
Dalam pengulangan kata ini, Nabi Ibrahim ingin menunjukkan perhatian berserta kesungguhan kepada ayahnya dalam mengajaknya kepada tauhid. Pengulangan ini juga bermaksud agar ayahnya merasakan bahawa Ibrahim adalah benar-benar anaknya, iaitu anak yang akan sentiasa menjaga apa yang akan memberi manfaat kepada ayahnya (Zaidan 2000: 194). Maka, kita dapat melihat bahawa kata-kata ini sentiasa terus diulang-ulang oleh Nabi Ibrahim AS. Selain itu, pengulangan lafaz tersebut tidak lain adalah menunjukkan begitu besarnya kasih sayang Nabi

Ibrahim dan begitu besarnya keinginan Nabi Ibrahim untuk mengajak ayahnya kepada jalan yang benar (al-Sya^crawi t.th./15: 9098).

3. Alasan yang diungkapkan rasional dan tidak dapat dibantah

Setelah menenangkan ayahnya dengan menggunakan kata panggilan tersebut, Nabi Ibrahim AS melanjutkannya dengan penuh adab kesopanan melalui sebuah pertanyaan sekaligus berserta alasan yang rasional (al-Dailami 1998/1: 300). Nabi Ibrahim AS berkata:

Maksudnya: “.. Mengapa ayahanda menyembah sesuatu yang tidak mendengar, tidak melihat dan tidak dapat menolong ayahanda sedikitpun?”

Dengan menggunakan uslub dakwah ini, telah jelas bahawa wujudnya adab Nabi Ibrahim AS dalam mengajak ayahnya kepada tauhid. Penggunaan pertanyaan oleh Nabi Ibrahim AS tidak lain adalah supaya ayahnya tidak merasa kurang atau tidak merasa bahawa Nabi Ibrahim AS ingin menunjukkan kelebihan dan kehebatannya (al-Sya^crawi t.th./15: 9097). Keadaan dan perdebatan yang berhati-hati ini dapat dilihat dalam perkataan Nabi Ibrahim yang tidak menanyakan terus pada hakikat penyembahan ayahnya dengan mengatakan: “*Mengapa ayahanda menyembah syaitan ..?*”, akan tetapi Nabi Ibrahim mengakhiri hakikat tersebut dan menggantikannya dengan ciri dan sifat-sifat sekaligus juga mengungkapkan hakikat dari sembahannya tersebut, iaitu: “.. *sesuatu yang tidak mendengar, tidak melihat dan tidak dapat menolong ayahanda sedikitpun?*”

Dengan itu, Nabi Ibrahim AS menyatakan kepada ayahnya bahawa sembah tersebut tidak layak untuk disembah kerana mempunyai ciri-ciri yang tidak layak sebagai seorang yang disembah iaitu tidak mendengar, tidak melihat dan tidak dapat menolong (al-Sya^crawi t.th./ 15: 9097).

4. Sikap tawaduk Nabi Ibrahim AS

Setelah memberikan alasan yang rasional dalam tempoh perdebatan, Nabi Ibrahim AS mengajak ayahnya kepada Islam dengan sopan dan lemah lembut melalui permulaan kalam dengan mengulangi lafaz: *يَتَأْت*. Nabi Ibrahim AS juga tidak mengatakan bahawa ayahnya adalah seorang yang bodoh atau menyebut dirinya sebagai orang yang bijak (al-^cAdawi t.th.: 51). Nabi Ibrahim AS berkata kepada ayahnya:

Maksudnya: “Wahai ayahku, sesungguhnya telah datang kepadaku sebahagian ilmu pengetahuan yang tidak datang kepadamu, Maka ikutilah aku, nescaya aku akan menunjukkan kepadamu jalan yang lurus.”

Atau seolah-olah Nabi Ibrahim berkata kepada ayahnya:

Wahai ayahku, engkau jangan menyangka bahawa aku lebih bijak daripada engkau, atau menyangka bahawa aku ini adalah lebih baik dan lebih pintar daripadamu, kalimah yang aku ajarkan ini adalah bukan daripadamu, akan tetapi berasal dari yang lebih tinggi daripada engkau dan aku, tidaklah aib apabila engkau mendengar dan patuh terhadapnya kerana dia adalah risalah yang aku tanggung untuk disampaikan, dan perkara ini adalah perkara yang datang kepadaku dan tidak datang kepada engkau.. (al-Sya^crawi, t.th./15:9098).

Kemudian Nabi Ibrahim AS melanjutkannya dengan berkata:

Maksudnya: “...Maka ikutilah aku, nescaya Aku akan menunjukkan kepadamu jalan yang lurus.”

Atau Nabi Ibrahim hendak mengatakan:

Maka ikutilah manhaj ini kerana dia adalah berasal daripada yang lebih tinggi dari engkau dan aku, dan akan membawa kepada siratan sawiyya, iaitu jalan yang lurus yang akan menyampaikan engkau kepada tujuan sebenar hidup ini dengan semudah-mudahnya dan secepat mungkin (al-Sya^crawi, t.th./15:9099).

5. Melarang untuk taat kepada syaitan

Dalam keadaan dan situasi yang masih lembut dan tenang menggunakan lafaz: *يَتَأْت*, Nabi Ibrahim melarang ayahnya untuk taat kepada syaitan kerana syaitan telah memungkir Allah. Maka, tidak layak bagi manusia untuk taat kepada syaitan kerana keingkaran tersebut (al-Sya^crawi t.th./15: 9099). Nabi Ibrahim AS berkata:

Maksudnya: Wahai ayahku, janganlah ayahanda menyembah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu derhaka kepada Tuhan yang Maha Pemurah.

Dengan kata lain, Nabi Ibrahim hendak menyatakan bahawa semua yang disembah selain Allah adalah menyembah syaitan (Zaidan 2000: 195).

Berdasarkan perbincangan tersebut timbul persoalan, di dalam dakwah Nabi Ibrahim AS yang pertama kepada ayahnya, Nabi Ibrahim tidak mengatakan larangan untuk menyembah syaitan akan tetapi menyebutkan ciri-ciri dan hakikat dari sembahannya tersebut iaitu tidak mendengar, tidak melihat dan tidak dapat memberi pertolongan. Manakala dalam ayat ini, Nabi Ibrahim secara jelas melarang ayahnya untuk

tidak menyembah syaitan. Maka persoalannya, syaitan sudah tentu dapat mendengar dan melihat, tetapi dalam dakwahnya yang pertama beliau mengatakan sifat-sifat sembahannya ayahnya tersebut. Apakah hal ini bertentangan?

Imam Sya'rawi menjelaskan bahawa hal ini kerana syaitanlah yang mengajak manusia untuk beribadah kepada selain Allah SWT. Namun dalam konteks ayat berkaitan Nabi Ibrahim ini kerana ayahnya menyembah berhala yang dibuat oleh tangannya sendiri dan menyembah bintang-bintang. Maka dengan demikian, larangan Nabi Ibrahim kepada ayahnya adalah larangan kepada sebab ayahnya menyembah berhala, iaitu larangan menyembah syaitan (al-Sya'rawi, t.th./15: 9099).

6. Kekhawatiran dan ketakutan Nabi Ibrahim AS (menunjukkan kasih sayang)

Dalam berdakwah dan rasa kasih sayang yang memuncak kepada ayahnya, Nabi Ibrahim AS menutup perdebatan mereka melalui ungkapan kekhawatiran dan ketakutan beliau, iaitu kekhawatiran terhadap seksa Allah SWT kerana menjadikan syaitan sebagai wali. Sedangkan Allah telah memerintahkan manusia untuk menjadikan syaitan sebagai musuh, bukannya sebagai wali (al-Adawi, t.th.: 51) sebagaimana dalam firman-Nya:

Maksudnya: Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh bagimu, maka anggaplah ia musuh(mu), kerana sesungguhnya syaitan-syaitan itu hanya mengajak golongannya supaya mereka menjadi penghuni neraka yang menyala-nyala (al-Qur'an, Fatir 35: 6).

Maka, Nabi Ibrahim berkata kepada ayahnya dengan penuh kasih sayang dengan menggunakan lafaz yang sama iaitu: **يَا أَبَتِ** dan berkata:

Maksudnya: Wahai ayahku, Sesungguhnya Aku kawatir bahawa ayahanda akan ditimpa azab dari Tuhan yang Maha pemurah, Maka ayahanda menjadi kawan bagi syaitan (al-Qur'an, Maryam 19: 45).

Dalam hal ini juga, Nabi Ibrahim AS memberikan uslub bahasa yang baik yang mana beliau memberi peringatan keburukan akibat perbuatan mensyirikkan Allah. Nabi Ibrahim tidak mengatakan kepada ayahnya bahawa ayahnya berhak untuk mendapatkan seksa dari Allah (Zaidan 2000: 195) bahkan beliau berkata dengan penuh kasih sayang kepada ayahnya:

Maksudnya: ...Sesungguhnya aku kawatir bahawa ayahanda akan ditimpa azab... (al-Qur'an, Maryam 19: 45).

Dalam ayat tersebut, Nabi Ibrahim AS menggunakan lafaz: **يَمَسُّكَ** yang bermaksud secara *harfiyyah* adalah melekat sahaja atau melekat dengan tidak sengaja. Dengan perkataan ini seolah-olah Nabi Ibrahim hendak mengatakan kepada ayahnya: “Wahai Ayahku, sesungguhnya nasib engkau bererti sangat bagiku, aku takut walaupun hanya debu sahaja yang akan melekat akan menyakitkan engkau”.

Kekhawatiran dan ketakutan Nabi Ibrahim terhadap azab yang akan dikenakan kepada orang kafir merupakan bentuk perhatian dan penjagaannya yang sangat besar terhadap ayahnya tersebut (al-Sya'rawi t.th./15: 9100). Ia diperkuat lagi dengan mengatakan:

Maksudnya: ...Maka ayahanda menjadi kawan bagi syaitan (al-Qur'an, Maryam 19: 45).

Nabi Ibrahim menguatkan perkataannya dengan menambahkan kalimat tersebut. Ia bermaksud bahawa jika ayahnya masih berbuat demikian, maka akan menjadi kawan syaitan dan pengikutnya, seterusnya akan ditimpakan azab sebagaimana ditimpakan azab kepada syaitan (al-Sya'rawi t.th./15: 9099).

Namun begitu, kesan dan hasil dakwah Nabi Ibrahim tidak seperti yang diinginkan. Ajakan beliau dengan menggunakan metode-metode tersebut tidak mendapatkan hasil yang memuaskan bahkan ayahnya mencaci dan memberi ancaman kepada Nabi Ibrahim AS dengan berkata:

Maksudnya: Berkata ayahnya: “Bencikah kamu kepada tuhan-tuhanku, Hai Ibrahim? jika kamu tidak berhenti, Maka nescaya kamu akan kurejam, dan tinggalkanlah aku buat waktu yang lama (al-Qur'an, Maryam 19: 46).

7. Menjawab dengan sebaik-baik jawapan

Setelah mendapatkan jawapan dan sikap yang keras dari ayahnya, Nabi Ibrahim AS tidak mengatakan apa-apa kecuali dengan perkataan perpisahan dan perdamaian (al-Adawi t.th.: 51) iaitu:

Maksudnya: Berkata Ibrahim: “Semoga keselamatan dilimpahkan kepadamu (al-Qur'an, Maryam 19: 47).

Hal ini seperti firman Allah ketika menceritakan perkataan ahli kitab yang beriman kepada al-Quran:

Maksudnya: Dan apabila mereka mendengar perkataan yang tidak bermanfaat, mereka berpaling daripadanya dan mereka berkata: “Bagi kami amal-amal kami dan bagimu amal-amalmu, kesejahteraan atas dirimu,

kami tidak ingin bergaul dengan orang-orang jahil (al-Qur'an, al-Qasas 28: 55).

Atau ketika Allah Taala memberikan sifat-sifat *Ibadurrahman* di dalam firman-Nya:

Maksudnya: Dan hamba-hamba Tuhan yang Maha Penyayang itu (ialah) orang-orang yang berjalan di atas bumi dengan rendah hati dan apabila orang-orang jahil menyapa mereka, mereka mengucapkan kata-kata (yang mengandung) keselamatan (al-Qur'an, al-Furqan 25: 63).

Dan dengan perkataannya tersebut, seolah-olah Nabi Ibrahim hendak mengalihkan dan mengubah pendapat ayahnya, selain meyakinkan bahawa ayahnya akan ditimpakan azab. Hal itu adalah hal yang paling menyedihkan dan tidak diinginkan oleh Nabi Ibrahim AS, maka bagaimana beliau harus meninggalkan ayahnya dalam keadaan demikian sedangkan beliau tidak menolong ayahnya? Maka Nabi Ibrahim AS pun mengatakan:

Maksudnya: Berkata Ibrahim: “Semoga keselamatan dilimpahkan kepadamu (al-Qur'an, Maryam 19: 47).

Dengan perkataan demikian, Nabi Ibrahim hendak mengatakan kepada ayahnya:

Ucapan keselamatan ini datang dari seorang Ibrahim AS, ucapan keselamatan sebagai balasan terhadap engkau yang tidak memberiku keselamatan kerana urusan kita berdua adalah mengenai keselamatan, aku tidak akan mengatakan seperti apa yang engkau katakan, aku juga tidak akan mengatakan perkataan kasar ataupun berbuat kasar kepadamu, dan aku juga tidak akan menderhakai engkau. Akan tetapi ucapan keselamatan dariku ini tidaklah cukup, engkau harus mendapatkan keselamatan pula dari Allah SWT, kerana engkau sekarang berada dalam posisi berbahaya di mana engkau tidak akan dimaafkan oleh Allah dan akan ditimpa seksa. Oleh itu, aku takut engkau tidak akan mendapatkan keselamatan dari Allah SWT (al-Sya'rawi, t.th./ 15: 9104).

Seterusnya, Nabi Ibrahim kemudian berkata:

Maksudnya:....Aku akan meminta ampun bagimu kepada Tuhanku... (al-Qur'an, Maryam 19: 47).

8. Meminta ampun bagi ayahnya

Setelah menjawab dengan jawapan yang baik, Nabi Ibrahim meneruskannya dengan janji untuk meminta ampun bagi ayahnya. Nabi Ibrahim berkata:

Maksudnya: Aku akan meminta ampun bagimu kepada Tuhanku. Sesungguhnya dia sangat baik kepadaku (al-Qur'an, Maryam 19: 47).

Seolah-olah Nabi Ibrahim ingin meminta ampun atau memberikan alasan kepada ayahnya atas perkataan sebelumnya:

Maksudnya: Berkata Ibrahim: “Semoga keselamatan dilimpahkan kepadamu (al-Qur'an, Maryam 19: 47).

Nabi Ibrahim hendak mengatakan kepada ayahnya bahawa:

Aku tidak memberikan ucapan keselamatan itu kecuali dengan maksud agar Allah Taala mengampuni engkau, sampai lengkap keselamatan untukmu dengan meninggalkan aqidah engkau iaitu menyembah berhala” (al-Sya'rawi, t.th./15: 9104).

Kemudian, Nabi Ibrahim memberitahu bahawa beliau akan meminta keampunan bagi ayahnya di kemudian hari, dan bukan pada saat itu dengan mengatakan “استعفرتُ” tetapi, akan memintakan ampun untuk ayahnya dikemudian hari dengan mengatakan: “سَأَسْتَغْفِرُ”

Oleh yang demikian, Nabi Ibrahim hendak mengatakan bahawa janjinya untuk meminta ampun untuk ayahnya tersebut bukan hanya sekadar *mujamalah* atau hendak berkelakuan nifaq dan menipu ayahnya.

“Mungkin kalau aku memintakan ampun sekarang dengan mengatakan: استعفرتُ, engkau akan menyangka bahawa aku hanya mujamalah sahaja. Oleh itu, aku akan memintakan ampun di kemudian hari dengan mengatakan: سَأَسْتَغْفِرُ, iaitu ketika jauh dari engkau dan engkau tidak mengetahuinya. Semua itu aku lakukan supaya Allah SWT menerima dan mengabulkan permintaan ampun ini” (al-Sya'rawi t.th./15: 9104-9105).

Kemudian Nabi Ibrahim berkata kepada ayahnya:

Maksudnya: Sesungguhnya dia sangat baik kepadaku (al-Qur'an, Maryam 19: 47).

Dengan perkataannya ini, Nabi Ibrahim hendak menerangkan kepada ayahnya bahawa beliau mempunyai tempat di hadapan Allah. Maka, apabila Nabi Ibrahim meminta sesuatu, pasti Allah akan mengabulkannya (al-Sya'rawi t.th./15: 9105). Selain itu, seolah-olah Nabi Ibrahim hendak meyakinkan kedudukan beliau di hadapan Tuhannya. Dengan demikian, yang harus dilakukan oleh ayahnya tidak lain hanya sekadar mendengar dakwah dan mengikuti ajakan tersebut (al-Sya'rawi t.th./15: 9105). Apabila mengerjakannya, ayahnya akan mendapatkan pengampunan dari Allah SWT.

Permintaan ampun dari Nabi Ibrahim terus beliau lakukan sampai datang berita dari Allah SWT yang menerangkan bahawa ayahnya tersebut

adalah musuh Allah. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Dan permintaan ampun dari Ibrahim (kepada Allah) untuk ayahnya tidak lain hanyalah kerana suatu janji yang telah diikrarkannya kepada ayahnya itu. Maka, tatkala jelas bagi Ibrahim bahawa ayahnya itu adalah musuh Allah, Maka Ibrahim berlepas diri daripadanya. Sesungguhnya Ibrahim adalah seorang yang sangat Lembut hatinya lagi Penyantun (al-Qur'an, al-Tawbah 9: 114).

9. Memisahkan diri

Kemudian Nabi Ibrahim berjanji untuk memisahkan diri daripada ayah dan sembahannya, serta berdoa kepada Tuhan semoga beliau tidak merasa rugi akan doanya tersebut. Nabi Ibrahim berkata:

Maksudnya: Dan Aku akan menjauhkan diri darimu dan dari apa yang ayahanda seru selain Allah, dan Aku akan berdoa kepada Tuhanku, Mudah-mudahan Aku tidak akan kecewa dengan berdoa kepada Tuhanku (al-Qur'an, Maryam 19: 48).

Dalam pemisahan diri ini juga menunjukkan bahawa Nabi Ibrahim sudah tidak mampu untuk mengajak ayahnya kepada tauhid. Nabi Ibrahim redha terhadap apa yang diputuskan oleh ayahnya namun, hal ini tidak menghalang beliau untuk terus berbuat baik terhadap ayahnya (al-Syara'wi, t.th./15: 9105). Oleh itu, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Dan jika keduanya memaksamu untuk mempersekutukan dengan Aku sesuatu yang tidak ada pengetahuanmu tentang itu, maka janganlah kamu mengikuti keduanya, dan pergaulilah keduanya di dunia dengan baik, dan ikutilah jalan orang yang kembali kepada-Ku, kemudian hanya kepada-Kulah kembalimu, maka Kuberitakan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan (al-Qur'an, Luqman 31: 15).

Oleh itu, memisahkan diri dengan berpindah tempat atau berhijrah adalah salah satu solusi apabila dakwah tidak mendapatkan hasil yang memuaskan. Bahkan, apabila tidak melakukan hijrah dikhuatiri akan menimbulkan fitnah yang lebih besar. Oleh sebab itu pula Allah berfirman yang bermaksud:

Sesungguhnya orang-orang yang diwafatkan malaikat dalam keadaan menganiaya diri sendiri, (kepada mereka) malaikat bertanya: "Dalam keadaan bagaimana kamu ini?". mereka menjawab: "Adalah kami orang-orang yang tertindas di negeri (Mekah)". para malaikat berkata: "Bukankah bumi Allah itu luas, sehingga kamu dapat berhijrah di bumi itu?". orang-orang itu tempatnya neraka Jahannam, dan Jahannam itu seburuk-buruk tempat kembali (al-Qur'an, al-Nisa 4: 97).

Kesimpulan daripada metodologi dakwah Nabi Ibrahim terhadap ayahnya ini, dapat disimpulkan bahawa kerja dan gerakan dakwah tidak mudah pada hakikatnya, apatah lagi ia melibatkan ahli keluarga seperti ibu dan ayah. Gerakan dakwah yang sudah semestinya menuntun kesabaran daripada da'ie itu sendiri agar bijak mengatur emosi dan bukti dalam mempertahankan dan memperbetulkan akidah dan tauhid orang yang didakwah. Mekanisme dakwah seperti yang ditunjukkan oleh Nabi Ibrahim ini, dimulai dengan kaedah pemujukan dan kasih sayang yang diulang-ulang, penggunaan bahasa yang mudah difahami, perdebatan yang tertegak padanya hormat dan alasan yang rasional, sikap tawaduk dan berhikmah, selain mendoakan keselamatan kepada ibu bapa non-Muslim boleh diaplikasikan dalam konteks semasa. Walaupun ayah Nabi Ibrahim tidak menerima agama yang benar dan mati dalam keadaan kufur kepada Allah, namun Allah telah mengangkat darjat dan kedudukan Nabi Ibrahim dengan peribadi yang unggul dan sebagai *abu al-anbiya'*. Selain digelar sebagai Rasul °Ulul °Azmi, akhlak, etika dan keperibadian Nabi Ibrahim harus dijadikan tauladan kepada setiap Muslim agar terus berhikmah dan sabar dalam pelbagai ujian kehidupan.

KESIMPULAN

Peribadi Nabi Ibrahim AS adalah peribadi yang agung. Berdasarkan perbincangan yang mendalam mengenai metode Nabi Ibrahim AS dalam berdakwah, maka dapat dilihat bahawa beliau adalah seorang hamba yang sangat taat kepada Allah dan amat sayang kepada keluarganya. Akhlak yang terpuji, lemah lembut, berhikmah dalam percakapan dan suka menepati janji merupakan sifat yang harus ada dalam diri setiap Muslim. Kisah dakwah Nabi Ibrahim terhadap ayahnya Azar mempunyai pelbagai hikmah dan pengajaran antaranya, pergerakan dakwah harus dimulakan terhadap kerabat yang paling hampir sepertimana yang dilakukan oleh beliau. Dakwah terhadap ayahnya tetap terus dilaksanakan sehingga ayahnya ingkar dan mati dalam keadaan tidak beriman kepada Allah. Ini kerana hidayah adalah sepenuhnya milik Allah dan selaku hamba, kita tidak mempunyai kuasa untuk memberi hidayah kepada sesiapa yang kita kehendaki sebaliknya, hanya doa yang mampu kita panjatkan ke hadrat Allah. Selain itu, metode yang dipakai oleh Nabi Ibrahim AS kepada ayahnya adalah melalui cara *mujadalah husna* atau melalui dialog dengan cara yang baik. Antaranya, menggunakan *uslub* yang

mudah difahami, disertakan dengan alasan yang rasional, bersikap tawaduk, menampakkan kasih sayang dengan melarang ayahnya untuk taat kepada syaitan, membicarakan kekhuatiran dan ketakutan bagi ayahnya dari terkena seksa Allah SWT, menjawab dengan jawapan yang sebaik-baiknya, meminta maaf dan kaedah terakhir adalah memisahkan diri atau berhijrah bagi mengelakkan diri dari terus menemui titik perbezaan dan pergaduhan. Metode ini dilihat dapat diaplikasi dalam konteks semasa kerana terdapat mekanisme dakwah yang lembut dan berhikmah yang boleh diaplikasikan pada orang tua non-Muslim.

RUJUKAN

- Al-Quran. 1988. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Abd Aziz Mohd Zin. 2005. *Metodologi Dakwah*. Cet. ke-3. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Adawi, Muhammad Ahmad. T. th. *Da'wah al-Rusul Ila Allah*. Kaherah: Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Al-Asfahani, al-Raghib. 1997. *Mufradat Alfaz al-Quran*. Cet. ke-2. Beirut: al-Dar al-Syamiyah.
- Al-Bukhari, Abi Abdullah Muhamad bin Ismail. 1400 H. *Al-Jami' Al-Sahih*. Kaherah: Al-Maktabah al-Salafiyah.
- Al-Dailami, Abdul Wahab. 1998. *Ma'alim al-Da'wah fi Qasas al-Quran al-Karim*. Cet. ke-2. Son'a: Maktabah al-Irsyad.
- Ibn Kathir, al-Dimasyqi. 2000. *Tafsir al-Quran al-^cAzim*. Giza: Muassasah al-Qurtubah.
- Ibn Manzur. T.th. *Lisan al-^cArab*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Yadh. Abi al-Fadl. 1998. *Syarh Sahih Muslim Li al-Qadhi 'Iyadh*. Mansurah: Dar al-Wafa'.
- Al-Kabisi, Muhammad Syakir Abdullah. 2007. *Sayyiduna Ibrahim fi al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Khalidi, Salah Abdul Fatah. 2006. *Al-A^clam al-A^cjamiyah fi al-Quran Ta^crif wa Bayan*. Damaskus: Dar al-Qalam.
- Al-Razi, Fakhruddin Muhammad. 2000. *Al-Tafsir al-Kabir Aw Mafatih Al-Ghayb*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Sulaiman Ibrahim. 1998. *Metodologi Dakwah terhadap Non-Muslim dalam al-Quran al-Karim: Sorotan Terhadap Manhaj Diskusi Dakwah Para Nabi a.s*. Dlm. *Dakwah kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*. Selangor: Percetakan Asni Sdn. Bhd.
- Al-Sya^crawi, Muhammad Mutawalli. T.th. *Tafsir al-Sya^crawi*. Kaherah: Akhbar al-Yawm Qita^c al-Tsaqafah.
- Al-Tabari, Ibn Jarir. T.th. *Al-Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran*. Cet. ke-2. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyah.
- Al-Tirmidzi, Abi 'Isa Muhammad bin 'Isa. 1977. *Al-Jami' al-Sahih*. Cet. ke-2. Kaherah: Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Zaidan, Abdul Karim. 2000. *Al-Mustafad Min Qasasi al-Quran Li Da'wah wa al-Du'at*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Muhd. Najib Abdul Kadir
 Mabruri Mohammad Sai
 Latifah Abdul Majid
 Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor D.E.
 MALAYSIA